

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
[ LEDANG ]**

**SOALAN**

**TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [ LEDANG ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :

- (a) kumpulan data dan statistik sistem penyampaian bantuan bakul makanan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seluruh Malaysia; dan
- (b) isu agihan bantuan barangan tidak diedarkan atas sebab campur tangan birokrasi dan unsur politik yang berlaku pada beberapa kawasan Parlimen.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas inisiatif YB yang turut membantu pihak kami dalam memastikan penduduk di kawasan YB dalam keadaan terkawal semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kami juga amat prihatin dengan kekangan masa YB untuk bersama penduduk di kawasan Parlimen YB. Oleh yang demikian bagi memudahkan pengagihan tersebut, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) membantu dan menyelaras sumbangan makanan termasuk sumbangan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sepanjang PKP dengan kerjasama Jabatan Sukarelawan Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia di semua kawasan tidak mengira kawasan parti.

Jumlah penerima yang telah menerima manfaat daripada bantuan bakul makanan sepanjang PKP adalah seramai **3.2 juta** ahli isi rumah dengan peruntukan **RM47.4 juta**.